

12/06/2003

PM jamin percepat projek (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Haswari Ali

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan projek mencegah banjir di Kuala Lumpur bagi mengelak banjir kilat di ibu kota terus berulang.

Malah, Perdana Menteri berkata, kerja membina terowong berhampiran Lapangan Terbang Sungai Besi sudah pun dimulakan dan rancangan jangka panjang juga diperlukan bagi menangani masalah itu.

"Kita tahu masalahnya (banjir kilat) dan kita mesti belanja wang yang banyak untuk gali sungai (bagi mendalamkan). Kita juga nak buat terowong untuk mengalirkan air dengan cepat dari kawasan banjir.

"Itu salah satu caranya, tetapi ada cara lain lagi yang akan kita laksanakan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-91 di pejabatnya, semalam.

Mesyuarat Kabinet semalam turut membincangkan kejadian banjir itu dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor dijangka membentangkan laporan kajian yang dijalankan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada mesyuarat Kabinet, minggu depan.

Pembentangan laporan itu berikutan banjir kilat di ibu kota petang kelmarin selepas hujan lebat lebih tiga jam bermula jam 4 petang menyebabkan ramai warga kota terkandas.

Antara kawasan yang teruk dinaiki air ialah di sekitar Dataran Merdeka, Jalan Ipoh, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Tun Abdul Razak, Jalan Tun Perak dan Jalan Pekeliling.

Dalam kejadian itu, beratus-ratus kenderaan termasuk di tempat letak kereta di Plaza Putra di bawah Dataran Merdeka, terperangkap selepas plaza berkenaan yang juga menempatkan premis perniagaan, ditenggelami air sedalam 2.74 meter.

Perpustakaan Peringatan Kuala Lumpur berhampiran Dataran Merdeka juga dinaiki air menyebabkan lebih 30,000 buku rosak. Muzium Sejarah Nasional turut mengalami kerosakan kecil.

Seorang lelaki berumur 60 tahun pula dilaporkan lemas selepas terperangkap dalam rumahnya di Taman Desa, Jalan Klang Lama manakala seorang lagi lelaki berumur 50 tahun lemas selepas tergelincir dan terjatuh ke dalam lubang dipenuhi air, juga di Jalan Klang Lama.

Seramai 612 penduduk Kampung Chendana dipindahkan ke Rumah Contoh Renaissance, Jalan Ampang.

Bagaimanapun, tinjauan di Kampung Periuk mendapati 200 penduduk yang dipindahkan ke Dewan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, sudah pulang ke rumah pagi semalam.

Mangsa banjir juga sibuk membersihkan rumah serta pejabat dan premis perniagaan.

Seorang peniaga kedai makan di Lebu Ampang, K Arokiasamy, 46, berkata beliau gembira kerana pihak berkuasa memberi jaminan untuk mengambil tindakan segera mendalamkan sungai bagi mengelak kejadian banjir.

Seorang mangsa yang meletakkan keretanya di Plaza Putra, Joyce Lim, 47, pula bersyukur kerana sempat menyelamatkan dirinya melalui pintu Kelab Diraja Selangor.

Sementara itu, seorang peniaga kain di Masjid India, Mano Haran, 40, bertindak melelong kain yang basah pada harga murah bagi mengelak kerugian lebih besar.

Peniaga bahan bacaan dan jamu, Zulhelmi Normawan, 55, pula berkata, beliau mengembalikan buku yang rosak kepada penerbitnya.

Pengurus Besar Kelab Diraja Selangor, Munusamy Gopal berkata, pihaknya terpaksa menyedut air yang bertakung di tempat meletak kereta bawah tanah kelab eksklusif itu sebelum mengeluarkan lebih tujuh kereta mewah pelanggannya.

"Berbeza banjir sebelum ini, banjir kali ini mengakibatkan sekitar kelab dipenuhi air termasuk ruang meletak kereta," katanya yang ditemui, semalam.

Pegawai Penjaga Balai, Balai Bomba Jalan Hang Tuah, Azizan Ismail pula berkata, kerja mengepam keluar air di Plaza Putra dan Kelab Diraja Selangor dilakukan sejak jam 10 malam kelmarin dengan mendapat kerjasama DBKL.